

23/02/2001

Pupuk minat IT dari kecil

DUA kanak-kanak, Jean Rashwin Kaur, 9 tahun (kanan) bersama kakaknya, Jennifer Kaur (11 tahun), begitu berminat dengan maklumat terdapat dalam komputer.

Kanak-kanak ini adalah antara beribu pengguna yang mengambil peluang untuk mengguna dan mempelajari 'keajaiban' komputer sempena pelancaran kempen teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Bukit Jalil, minggu lalu.

Minat dua kanak-kanak ini untuk mempelajari cara penggunaan komputer harus dipuji memandangkan tahap penggunaannya di kalangan masyarakat negara ini masih rendah.

Ini amat mengecewakan Mahathir apabila beliau melahirkan rasa tidak puas hati dengan sesetengah pihak yang tidak berusaha untuk memanfaatkan keupayaan teknologi itu.

"Ramai pihak tidak berusaha untuk mempelajarinya sedang kemudahannya banyak disediakan. Kita tidak boleh duduk dan menunggu kerana ini akan menyebabkan kita ketinggalan," katanya.

(END)